

# Musa terima awaran sweden

KUALA LUMPUR, Jan 10 — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, hari ini menerima lawaran mahasiswa dari Kerajaan Sweden untuk 10 hingga 15 pelajar Malaysia mengikuti berbagai kursus termasuk kejuruteraan di negara itu dalam ini.

Tawaran itu disampaikan oleh ketua rombongan perindustrian Sweden, Putera Bertil, ketika mengunjungi Datuk Musa Hitam di pejabatnya di sini pagi ini.

Mahasiswa untuk kursus yang mengambil masa antara 5 hingga 14 minggu itu dibayar bersama oleh Kerajaan Sweden dan Dewan Perindustrian Sweden.

Setiausaha Akhbar Pemangku Perdana Menteri, Mok Samad Mahadi, memberitahu, Sweden meminta kerajaan Malaysia menamakan calon-calon untuk mengikuti kursus dalam sesi 1981/82 ini.

Katanya, Datuk Musa bersetuju pada dasarnya menghantar rakyat negara ini mengikuti kursus yang ditawarkan itu.

Datuk Musa menggesa lebih banyak pelajar ras dibuat oleh pengusaha Sweden di negara ini kerana jumlah pelajar dari Sweden di sini kecil sekarang.

Selain berharap Sweden membeli lebih banyak barangan Malaysia supaya imbangan perdagangan antara negara berlabuh baik, Perdagangan kini menguntungkan Sweden.